

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Monday, May 15, 2017 8:53 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: SAPSP terima lawatan Thaksin University



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



17 Syaaban 1438H / 14 Mei 2017

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

SAPSP UUM CAS TERIMA LAWATAN FACULTY OF HUMANITIES AND SOCIAL SCIENCES, THAKSIN UNIVERSITY , THAILAND

Pihak pengurusan SAPSP yang diwakili oleh Dekan, Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak telah menerima kunjungan lawatan daripada pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar dari Faculty of Humanities & Social Studies, Thaksin University yang diketuai oleh Pengerusi Pogram Perhubungan Awam iaitu Dr. Thuanthong Krutchon.

Seramai 3 orang pensyarah dan 29 orang pelajar dari Thaksin University telah menyertai lawatan ini yang bertujuan untuk membuat perbincangan tentang hal-hal akademik di kedua-dua buah universiti ini. Lawatan yang telah berlangsung ini dimulakan dengan taklimat ringkas tentang fakulti masing-masing. Setelah itu, para pensyarah dari Thaksin Universiti dan juga SAPSP, UUM telah menyertai perbincangan akademik manakala para pelajar mengikuti aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang telah diuruskan oleh Persatuan Kerja Sosial.



Para pensyarah yang diketuai oleh Dekan SAPSP melakukan perbincangan mengenai perancangan pertukaran pelajar (*mobility*) antara kedua-dua universiti ini dan perkongsian mengenai penyelidikan (*matching grant*) serta penerbitan. Dekan SAPSP berasa sangat berbesar hati menerima kunjungan lawatan dari Thaksin University ini dan berharap kerjasama ini dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang telah terjalin antara kedua-dua universiti ini. Turut hadir dalam perbincangan ini adalah Dr, Nabisah Ibrahim (Penyelaras Program Pascasiswazah), Dr. Siti Rozana Kamsani (Penyelaras Program Ijazah), Dr. Ahmad Shukri Abdul Hamid (Penyelaras Program Ijazah), Dr. Pornthai Sirisatidkid (Pensyarah di Thaksin University) dan juga Mrs. Chayada Nakkare (Setiausaha Jabatan Sains Social, Thaksin University).

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.